

18 OCT 1999

MAHATHIR-SIDANG

MAHATHIR CADANG PENUBUHAN TABUNG KEWANGAN ASIA TIMUR

Oleh: Tham Choy Lin

SINGAPURA, 18 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mencadangkan penubuhan Tabung Kewangan Asia Timur (EMF) bagi membolehkan negara-negara serantau membiayai pemulihan bersendirian selepas dilanda krisis kewangan.

Sekiranya tabung seumpama itu wujud, krisis berkenaan tidak akan berlaku atau menjadi begitu teruk, kata Dr Mahathir yang mengenepikan kecaman masyarakat antarabangsa kerana menggunakan kawalan modal terpilih untuk menyelamatkan Malaysia daripada kemusnahan.

"Kita di Asia Timur boleh mula dengan menubuhkan Tabung Kewangan Asia Timur, sebuah pertubuhan kewangan serantau yang kecil dan padat yang akan terlibat secara berterusan dan mendalam dalam proses harian kerjasama dan masalah kewangan Asia Timur, dan bukannya atas dasar apabila berlakunya sesuatu krisis yang mungkin sekali dalam sedekad," katanya kepada Sidang Kemuncak Ekonomi Asia Timur yang dirasmikan di sini hari ini.

Di forum yang sama yang di mana langkah-langkah kawalan Malaysia telah dikecam tahun lepas, Dr Mahathir juga berkata negara-negara Asia Timur perlu diberikan hak menentukan keazaman diri dan bukannya dipaksa oleh kuasa tertentu.

Negara-negara Asia Timur makmur pada masa lepas kerana mereka pantas bergerak dan berupaya mencipta dan mengubah ciptaan mereka sendiri mengikut formula berlainan dalam menyahut cabaran, katanya.

"Perkara yang paling penting ialah bukannya bagaimana matlamat kita dicapai tetapi samada matlamat yang kita capai adalah baik. Kita akan melakukannya dengan cara kita sendiri dan dunia tidak patut mengecam dan menghalang kita semata-mata kerana cara kita berbeza," katanya, berterus terang seperti biasa.

"Saya percaya kejayaan kita pada masa depan akan terus bergantung kepada penumpuan kita kepada pragmatisme, untuk melakukan apa yang boleh dilakukan oleh kita -- ekonomi kita yang unik dan bagi masyarakat kita yang unik.

"Sepuluh tahun akan datang adalah masa untuk kita membina diri sekali lagi. Saya percaya bahawa sekali lagi kita akan berjaya, di sebalik kecacatan dan kelemahan kita -- dan di sebalik ramalan menakutkan kepada yang sebaliknya," katanya.

Forum tiga hari itu, anjuran Forum Ekonomi Dunia berpangkalan di Geneva, dihadiri oleh lebih daripada 700 pemimpin politik dan ahli perniagaan dari dalam dan luar rantau ini serta pegawai-pegawai penting daripada pertubuhan antarabangsa seperti Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia.

Pengkritik tegas spekulator kewangan, Dr Mahathir berkata kapitalisme global tidak boleh berjaya atau berkembang maju jika "membuat keuntungan tanpa memikirkan akibatnya terhadap manusia menjadi fahamannya."

"Kapitalisme global mempunyai potensi besar untuk menghasilkan kekayaan bagi semua manusia. Ia akan menjadi tragedi bagi manusia jika, disebabkan oleh segelintir kapitalis yang rakus, satu era baru anti kapitalisme akan timbul," katanya.

Dr Mahathir berkata rakyat Asia tidak harus dianggap bodoh atau pemimpinnya korup, dengan menyatakan bahawa usaha-usaha mereka telah berjaya menjadikan negara-negara Asia sebagai ekonomi-ekonomi harimau dan naga.

Mengimbas pengalaman pahit Malaysia dalam mencari jawapan kepada krisis

itu termasuk mematuhi cara dan langkah IMF pada satu peringkat, Dr Mahathir menekankan IMF telah menyifatkan pemulihan Malaysia sebagai umumnya serupa dengan negara-negara lain.

"Bagaimanapun, izinkan saya menarik perhatian bahawa dalam kes Malaysia, kami telah mencapai pemulihan yang sama hebat tanpa perlu mendapatkan hutang asing yang besar dengan IMF atau orang lain dan tanpa perlu membebankan generasi akan datang dengan tanggungan pembayaran hutang yang banyak," katanya.

Ia juga dicapai tanpa pertumpahan darah di jalanan, pergolakan politik atau perlu melelong syarikat-syarikat milik Malaysia pada harga paling rendah, tambahnya.

Dr Mahathir berkata hakikat bahawa Malaysia tidak perlu tunduk kepada sesiapa adalah penting bagi rakyat Malaysia.

"Kami bukannya angka-angka keluaran komputer. Kami adalah manusia, nyata, manusia bernyawa dengan perasaan gembira dan sedih, punya perasaan bangga dan malu seperti manusia lain," katanya.

Sambil menekankan beliau tidak berhasrat untuk turut serta mengecam IMF, Dr Mahathir berkata beliau agak yakin sekiranya Malaysia meminta bantuan pertubuhan antarabangsa itu seperti yang didesak beberapa kali, Malaysia akan terpaksa melakukan perkara-perkara yang akan memusnahkan ekonominya, negara dan masyarakat.

Ia akan berlaku bukan kerana niat jahat tetapi disebabkan kurang pemahaman dan pengertian pakar-pakar IMF terhadap ekonomi Malaysia, katanya.

Beliau juga mengulangi bahawa Malaysia bukannya menentang pelabur ekuiti asing tetapi lebih menghargai mereka yang membantu membina daya pengeluaran daripada mereka yang mencari keuntungan segera. -- BERNAMA

TCL JR